KOPI PAHIT ISTIMEWA

Kali ini ada banyak perkara yang perlu dapat kopi pahit sebab itu ruangan ini mendapat satu "istimewa" Zahirah binti Nur Muhammad dengan membawa anak buahnya berduyun-duyun dengan bisa datang di Katung Road. Dari mana di pungutnya anak buahnya kita tak tahu boleh jadi banyak datangnya dari daerahnya di Desker Road. Mereka datang di Katung dengan bas kerana kononnya bagi merebut faedah daripada "Great Eastern Trade Fair" dijadikan taman hiburan. Orang tentu fikir siapa belanja bisa dan apa pasal berperi-peri. Orang-orang dalam mesyuarat itu sudah bilang terang-terang ia jadi perkakas – perkakas siapa? Sudah maklum. Ia orang luar apa pasal ia campur dalam perkara Geylang.

----------✳----------✳----------

Bahas-bahas dalam perkara "Eastern Trade Fair" sangat tinggi dan berapi-api. Ini perkara patut diperhati oleh kerajaan. Sebab kalau kerajaan diam kita takut semangat orang meluap dan gaduh terjadi. Kalau jadi gaduh kerajaan tentu susah. Oleh sebab itu perasaan orang Geylang itu patut di rai dan diperhati bukan memerhati dengan modal yang tertanam di sana yang ditujukan "lulus jarum lulus kalindan" dan nampaknya menyumpa orang dijadikan perkakas kepada cita-cita itu.



Lagi satu – di Geylang penduduknya kebanyakan orang Islam tetapi Pertubuhan Islam seperti Jamiah senyap – mengapa! Adakah kerana tidak dapat nama daripadanya?!

----------✳----------✳----------

Wak Raya, Tongkat Warrant, Bahktiar Jamili telah buat-buat ribut pasal wakil Qalam keluar dari "Persidangan Persuratan Melayu" baharu-baharu ini. Ada yang bilang macam wakil Rusia di Lembaga Bangsa-bangsa, ada yang bilang "Sentimoni Tebal" dan dan dan harus banyak lagi datang. Sebelum di jawab kita mesti kasi keterangan dahulu – kalau taman bacaan yang jadi tukang baca: Kalau tukang buat tringkas yang meniru persuratan Barat dan kalau perhubungan yang baharu dua hari berdiri boleh bersuara, kita hairan apa pasal penerbit-penerbit yang dari satu ke suatu masa mengeluarkan buku-buku di dalam persuratan Melayu dengan banyaknya dengan mempunyai kakitangan-kakitangannya yang setiap masa menghadapi perkara persuratan Melayu dikebelakangkan dan tidak dihargai oleh panitia yang terdiri daripada "awak sama awak" itu cara demikian sudah tentu menghina kepada sesuatu penerbitan yang insaf – sebab itu Qalam tidak mahu dihinakan orang dan tidak mahu menerima kehinaan!

----------✳----------✳----------

Apa sudah jadi – wakil Universiti Malaya "Muslim" Susu'yati tegak berdiri. Ia tidak tahu hal Persuratan Melayu – barangkali ada di antaranya yang membaca Melayu pun tak tahu sudah anjurkan tidak patut terima. Ia barangkali lupa "Shakespeare" Bernard Shaw Iqbal dan lain-lain lagi tidak dikenal orang kalau tidak ada penerbit!

----------✳----------✳----------

Sesudah itu lebih kurang 25 jam kemudian persidangan itu "menjilat" apa yang telah diludahkannya terhadap kepada langkah Qalam. Kongres mengambil keputusan bahawa "penerbit-penerbit dan wakil perusahaan filem diterima menjadi kerabat kongres yang berhak mengundi". Akhbar Wak Raya dan akhbar Katuk senyap tak menyuarakan perkara itu. Tongkat Waran tak sebut, juga Bakhtiar Jamili tak sebut, apa pasal – kita mau tau – sentiment tebalkah?! Orang ramai barangkali tau sebab yang terbanyak daripada ahli-ahli panitia orang-orangnya jadi orang-orang akhbar itu dan sebab tidak barani mengatakan yang benar lalu buat-buat diam – inikah sifat-sifat orang yang mengaku pujangga dan sasterawan? Tidak berani mengatakan yang benar dan hak dan tidak berani berterus terang sifat ini ialah sifat bacul dan pengecut, lebih elok jangan pegang pena lagi habis perkara – Cemeti Al-Farouk.